

EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

Y.Bhg. Prof. Datuk/ Prof. Dr./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2013

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Bendahari bil 5/2013 mengenai Pemberian Bantuan Kewangan Kepada Pensyarah Tetap Dan Kontrak Bagi Pembelian Komputer Riba** untuk makluman dan edaran di Pejabat Y.Bhg. Prof. Datuk/ Prof. Dr./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan selanjutnya.

3. Kerjasama Y.Bhg. Prof. Datuk/ Prof. Dr./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan dalam hal ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"ISLAM DIHAYATI, RAJA DITAATI, RAKYAT DINAUNGI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


NOR DALILA BINTI AB GHAFAR
Penolong Pendaftar

s.k - Y.Bhg. Prof. Datuk Naib Canselor
Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (A&A)
Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (HEPA)
Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (PIK)

SENARAI EDARAN

Pendaftar

Pejabat Pendaftar

Penasihat Undang-Undang

Bahagian Perundangan dan Governans
Pejabat Canselori

Ketua Pustakawan

Pejabat Perpustakaan & Pengurusan Ilmu

Dekan

Fakulti Keusahawanan & Perniagaan
Fakulti Perubatan Veterinar
Fakulti Industri Asas Tani
Fakulti Sains Bumi
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Pusat Pengajian Siswazah

Pengarah

Kampus Jeli
Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah
Pusat Hal Ehwal Korporat
Pejabat Pembangunan, Infra & Perkhidmatan

Timbalan Pendaftar Kanan

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Ketua Pegawai Teknologi Maklumat

Pusat Teknologi Maklumat

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

UMK.PC/B03.00/100-6/4 (21)

22 DISEMBER 2013

PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2013

Semua Dekan/Ketua PTj
Semua Pensyarah Tetap dan Pensyarah Kontrak

**PEMBERIAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PENSYARAH TETAP DAN KONTRAK
BAGI PEMBELIAN KOMPUTER RIBA**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini ialah untuk memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.11/2013 yang diadakan pada 16 Disember 2013 telah meluluskan pemberian bantuan kewangan kepada pensyarah tetap dan kontrak untuk pembelian komputer riba bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

2. SYARAT-SYARAT PEMBERIAN BANTUAN KEWANGAN

- 2.1 Pensyarah tetap dan pensyarah kontrak yang layak membuat tuntutan adalah :-
- (a) mereka yang tidak dibekalkan komputer riba oleh Universiti
 - (b) komputer riba yang dibekalkan sekarang akan tamat tempoh sewaan pada 31 Disember 2013
- 2.2 Jumlah maksimum bantuan kewangan adalah RM3,500.00 atau harga belian sebenar tertakluk kepada yang mana lebih rendah.

- 2.3 Tuntutan bantuan kewangan adalah untuk tempoh setiap tiga (3) tahun dari tarikh Baucar Pembayaran. Segala kos pembaikan adalah dibawah tanggungjawab pensyarah berkenaan.
- 2.4 Sekiranya berlaku kehilangan, staf tidak dibenarkan mengemukakan tuntutan bantuan kewangan dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh Baucar Pembayaran.
- 2.5 Pemberian bantuan kewangan ini akan direkodkan dalam Buku Perkhidmatan.
- 2.6 Permohonan bantuan kewangan hendaklah menggunakan borang yang boleh dimuat turun dari *web site* Pejabat Bendahari.

3.0 BAYARAN BALIK BANTUAN KEWANGAN

- 3.1 Pensyarah tetap yang telah mendapat bantuan kewangan pembelian komputer riba yang meletakkan jawatan, dikehendaki membayar balik kepada Univeriti sebagaimana berikut :-

Tempoh Perletakan Jawatan Dari Tarikh Penerimaan Bantuan/Baucar Pembayaran	Jumlah Yang Perlu Dibayar Kepada Universiti
(a) Kurang satu tahun	RM2,000.00
(b) Satu hingga Dua tahun	RM1,000.00

- 3.2 Pensyarah kontrak yang meletak jawatan sebelum tempoh kontrak tamat dikehendaki menjelaskan bayaran balik kepada Universiti sebanyak RM2,000.00.
- 3.3 Pensyarah kontrak yang tidak disambung kontrak dan pensyarah tetap yang meletakkan jawatan pada tahun ketiga bantuan kewangan diterima dikecualikan daripada membayar balik kepada Universiti.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **22 Dis 2013**.

**"ISLAM DIHAYATI, RAJA DITAATI, RAKYAT DINAUNGI"
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,



MOHD YUSRI BIN AWANG
Bendahari

s.k YBhg. Prof. Datuk Naib Canselor
 YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi & Keusahawanan)